



PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM AGROPOLITAN
DI PULAU BANGGI, SABAH

NANI BINTI FRANCIS

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2009

ABSTRAK

Ketidaksamaan pembangunan antara wilayah berterusan berlaku terutamanya antara wilayah maju di kawasan metropolitan dan wilayah mundur di kawasan pedalaman. Dalam RMK-9, kerajaan telah menetapkan untuk membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar kepada 2.9% menjelang tahun 2010. Dalam usaha ini KKLW telah memberi penekanan untuk memajukan masa depan mereka dan persekitaran kawasan mereka secara bersepadu melalui program yang dinamakan Program Lonjakan Mega Luar Bandar berkonsepkan agropolitan. Pulau Banggi dipilih kerana ia adalah kawasan paling mundur dalam pelbagai aspek dan sangat memerlukan pembangunan. Penduduknya berpendapatan kurang RM300 sebulan, malah ada yang langsung tidak berpendapatan. Objektif kajian adalah bagi menjelaskan konsep pembangunan, mengenalpasti kesan pelaksanaan program ini dalam mencapai hasrat kerajaan bagi meningkatkan sosioekonomi dan taraf hidup penduduk di kawasan kajian dan peranan agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan serta mengemukakan cadangan serta langkah-langkah. Seramai 276 responden merupakan peserta yang dipilih melalui pekerja ladang FELCRA Berhad Pulau Banggi mengikut bilangan pekerja yang terlibat dari 21 buah kampung yang terdapat di Pulau Banggi. Kajian soalselidik digunakan bagi mendapatkan latar belakang responden, kesan atau impak ekonomi, dan fizikal. Teknik Kuantitatif menggunakan analisis frekuensi dan *crosstabulation*. Daripada analisis yang dilakukan didapati bahawa pelaksanaan Program Lonjakan Mega Luar Bandar di bawah konsep agropolitan ternyata mampu meningkatkan sosioekonomi dan taraf hidup penduduk Pulau Banggi. cadangan yang dibentuk adalah untuk meningkatkan kualiti guna tenaga masyarakat Pulau Banggi serta meningkatkan lagi keupayaan pelaksanaan projek agropolitan dalam usaha untuk membasmi kemiskinan.

ABSTRACT

Imbalance economic gains between regions are becoming almost common phenomena particularly metropolitan areas and its poorer counterparts. In RMK-9, government stressed to achieve zero-hardcore poverty and reduce rural poverty to 2.9 % by 2010. As an effort to achieve the target the Ministry of Rural and Regional Development has lunched, the program called Mega Quantum Leap Program, which used the agropolitan concept. Pulau Banggi is selected as pioneers implement the program due to the facts that it is the poorest area compare to the other state or rural area. The residents' income in Pulau Banggi is less than RM 300 and still some of them do not have any source of income at all. The purpose of this study is to explain the impact of the program implementation, which is in line with government aspiration to increase the socioeconomic and the quality of life in the study area, to explain the function of the agency and to give recommendation in order to improve the state of Pulau Banggi. There are 276 respondents selected from 21 villages at Pulau Banggi and all of the respondents are labors from FELCRA Berhad. Research instrument is using questionnaire in order to look in – depth the respondents' background, economic and physical impact due to the implementation of the project. Quantitative Technique using frequency and crosstabulation and from the analysis found that Mega Quantum Leap Program with agropolitan concept can increased the socioeconomic and the quality of life especially among the community of Pulau Banggi. From overall of the findings and analysis, this study suggests that the quality of labor need to be increased and the ability of the agropolitan Project to reduce poverty among community need to be increased.